

22/07/1999

MB Johor dedah cubaan diperalat oleh Anwar

MUAR, Rabu - Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, mendakwa bekas Timbalan Perdana Menteri yang dipecat, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pernah cuba memperlakukannya bagi menyalahguna hak rakyat Johor.

Namun usaha terbabit tidak berjaya apabila helah yang digunakan oleh Anwar dalam cubaan itu terbongkar, apabila orang tertentu yang dikaitkan dalam rancangan itu tampil menafikan pembabitan mereka.

Abdul Ghani menyatakan demikian ketika berucap di Majlis Jamuan Bersama Rakyat kawasan Parlimen Muar di Sekolah Menengah Tengku Mahkota di sini, malam tadi.

Beliau bagaimanapun enggan memberi penjelasan terperinci mengenai cubaan terbabit dengan alasan keadaan majlis itu agak terbuka serta memerlukan masa yang panjang untuk dihuraikan buktinya.

"Dalam hal kepentingan rakyat Johor, saya ingin maklumkan bahawa bekas TPM adalah orang yang kalau saya ikuti, dia boleh peralatkan kepentingan rakyat Johor.

"Saya tidak mahu sebut secara khusus kerana agak terlalu terbuka majlis ini dan memerlukan masa untuk menghuraikan hujah saya (mengenai dakwaan terbabit) secara terperinci.

"Walaupun ada rasa was-was (di kalangan rakyat Johor) mengenai perkara ini tetapi dalam hal kepentingan rakyat di negeri ini, percayalah kepada Menteri Besar Johor bahawa kita pernah diperalatkan," katanya.

Beliau berkata, Anwar juga pernah cuba memperlakutkan Umno Johor bagi menjatuhkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelang Perhimpunan Agung Umno pada 1998 tetapi usaha itu tidak berjaya.

"Namun berkat keikhlasan kita, dia tidak berjaya menggunakan Umno Johor untuk menjatuhkan Presiden parti dan kita terpelihara daripada terbabit dengan rancangannya itu pada tahun lalu.

"Kita pernah ada pemimpin terdahulu yang tidak bersetuju dengan Perdana Menteri ketika itu seperti Tun Dr Ismail, Tan Sri Musa Hitam dan Tan Sri Syed Jaafar Albar.

"Mereka juga tidak bersetuju dengan Perdana Menteri ketika itu, lalu masing-masing berhenti, tanpa menimbulkan huru-hara dalam negara termasuk Musa yang pergi ke Makkah dan London dan dipujuk beberapa pihak," katanya.

Beliau berkata, Anwar diminta supaya letak jawatan tetapi dia enggan akhirnya selepas tiada pilihan, dia dipecat dan kemudian memujuk pengikutnya melakukan tunjuk perasaan kononnya mencontohi Amein Rais di Jakarta.

"Kalau di Jakarta, Amein dengan pelajar boleh menjatuhkan Suharto, maka rancangan Anwar ialah menggunakan pelajar di Kuala Lumpur untuk mencetuskan huru-hara ketika Queen Elizabeth II berada di Kuala Lumpur.

"Pada hari Ahad, ketika Queen pergi gereja, Anwar kumpul penyokongnya untuk tunjukkan kepada dunia bahawa negara berada kucar kacir dan huru-hara. Kalau ada tuduhan yang mengatakan Dr Mahathir menganiaya Anwar, di sini siapakah yang nak menjatuhkan siapa," katanya.

Beliau berkata, rancangan halus Anwar adalah menjatuhkan Dr Mahathir menerusi undi tidak percaya di perhimpunan agung parti tahun lalu tetapi cubaan itu gagal.

(END)